



## FAQS' (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> ?	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> merupakan satu aplikasi yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC)</i> menggunakan aplikasi <i>mobile</i> .
2.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan aplikasi ini?	Aplikasi ini boleh diakses dengan memuat turun aplikasi <i>SSM DCTC QR READER</i> ke telefon pintar dari <i>Google Play (Android)</i> atau <i>App Store (iOS)</i> .  Walau bagaimanapun, peranti App Store (iOS) <i>SSM QR Code Reader</i> , akan dilancarkan di dalam masa terdekat. Semua pengguna App Store (iOS) boleh menggunakan <i>SSM Web Checker</i> melalui pautan <a href="https://ssm4u.com.my">https://ssm4u.com.my</a> bagi membuat semakan SSM DCTC dokumen atau produk.
3.	Adakah sebarang bayaran dikenakan bagi memperolehi aplikasi ini?	Tidak. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Bagaimanakah kaedah untuk menggunakan aplikasi ini?	<p>(a) Klik ikon <i>SSM DCTC QR READER</i> yang terdapat pada telefon pintar</p>  <p>(b) Skrin utama seperti berikut akan dipaparkan</p>  <p>(c) Klik <i>Tap Screen To Scan</i> untuk mengimbas QR Code;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>(d) Halakan kamera telefon pintar ke <i>QR Code</i> yang terdapat di bahagian bawah DCTC dokumen;</p> <p>(e) Sekiranya imbasan berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan dipaparkan di skrin telefon pintar; dan</p> <p>(f) Pastikan salinan yang terpapar di dalam telefon pintar sama dengan dokumen yang dicetak.</p>
5.	<p>Mengapakah hasil imbasan <i>QR Code</i> memaparkan notifikasi "<i>CTC record is valid. The document is not available. Please contact <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> for further clarification</i>"?</p>	<p>Notifikasi ini akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM.</p> <p>Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> untuk tindakan lanjut.</p>
6.	<p>Mengapakah hasil imbasan <i>QR Code</i> memaparkan notifikasi "<i>CTC document generated with expired public key. Please contact <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> for further clarification.</i>"</p>	<p>Notifikasi ini dipaparkan sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh.</p> <p>Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> untuk tindakan lanjut.</p>
7.	<p>Mengapakah hasil imbasan <i>QR Code</i> memaparkan notifikasi "<i>Invalid CTC QR Code</i>"?</p>	<p>Notifikasi ini dipaparkan sekiranya <i>QR Code</i> yang diimbas bukan dijana oleh SSM.</p>

## FAQS' (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i>	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i> merupakan satu sistem yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC)</i> menggunakan web.
2.	Bagaimanakah cara untuk menjadi pengguna kepada <i>web checker</i> ini?	<p>(a) Buka internet browser dan taip <a href="https://ssm4u.com.my">https://ssm4u.com.my</a>.</p> <p>(b) Klik "<i>REGISTER</i>" untuk daftar ID pengguna.</p> <p>(c) Klik "<i>SIGN IN</i>" dan masukkan user ID dan password sekiranya telah berdaftar di SSM4U.</p> <p>(d) Klik icon "<i>DCTC READER &amp; CHECKER</i>".</p> <p>Skrin <i>Web Checker</i> akan dipaparkan.</p>
3.	Bagaimanakah cara untuk membuat carian dokumen atau produk DCTC melalui <i>web checker</i> ini?	<p>Apabila skrin <i>Web Checker</i> dipaparkan, isikan maklumat Nombor Siri dokumen DCTC SSM. (Cth: MY1911060833420 atau EI1911041607293)</p> <p>Pastikan ruangan "<i>I'm not a robot</i>" pada <i>reCAPTCHA</i> ditandakan dan klik butang "<i>Search</i>". Maklumat <i>reCAPTCHA</i> <i>wajib diisi</i>.</p> <p>Sekiranya berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan dipaparkan.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi " <i>CTC record is valid. The document is not available. Please contact <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> for further clarification</i> "?	Notifikasi ini akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM.  Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> untuk tindakan lanjut.
5.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi " <i>CTC document generated with expired public key. Please contact <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> for further clarification.</i> "	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh.  Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> untuk tindakan lanjut.
6.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi " <i>Invalid Serial No</i> "?	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya <i>QR Code</i> yang diimbas bukan dijana oleh SSM.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
11 November 2019